

04/11/2003

Laporan terhadap Dr M helah politik

KUALA LUMPUR: Tindakan pembangkang membuat laporan polis terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad atas dakwaan menyalah guna kuasa

dan salah laku lebih mempunyai kepentingan politik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata tindakan pihak pembangkang membuat laporan polis itu sekadar retorik pembangkang kerana mereka gagal mengemukakan bukti.

Beliau berkata, sehingga kini pihak Jabatan Peguam Negara juga belum menerima apa-apa laporan atau kenyataan berhubung dakwaan berkenaan berserta bukti seperti yang mereka dakwa.

"Oleh itu saya melihat tindakan mereka (pembangkang) membuat laporan itu

mempunyai unsur politik dan cuba menjejaskan nama baik Dr Mahathir," katanya di lobi Parlimen, semalam, ketika mengulas tindakan Dewan Pemuda Pas dan Pergerakan Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) membuat laporan polis terhadap Dr Mahathir.

Laporan itu dibuat oleh Ketua Dewan Pemuda Pas, Salahuddin Ayub dan Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor di Balai Polis Dang Wangi, 31 Oktober lalu.

Rais berkata, jika pembangkang mengemukakan tuduhan mereka sudah tentu pihak peguam negara akan menyiapkan balasan atau jawapan yang khusus sama

ada dalam bentuk hujah dalam mahkamah atau kamar.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan laporan polis yang dibuat itu sebagai

cuba menafikan pencapaian Dr Mahathir membawa pembangunan dan kemakmuran yang begitu besar kepada rakyat dan negara.